



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

JOB OFFERINGS ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA SECOND QUARTER 2025

Job offerings advertised online increased 7.1 per cent in the second quarter of 2025, with 281,736 postings recorded

PUTRAJAYA, 26TH FEBRUARY 2025 – *The number of online job offerings advertised in the second quarter of 2025 increased by 7.1 per cent to 281,736, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), as reported in the release of **Big Data Analytics: Job Market Insights and My Job Profile: Online Job Offerings Advertised in Malaysia, Q2 2025**.*

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated "The number of companies advertising job offerings increased to 57,666 in the second quarter of 2025, compared with 53,441 companies in the first quarter of 2025. Meanwhile, nearly half of the online job offerings were in the Professionals category, accounting for 45.8 per cent or 129,041 job offerings in the second quarter of 2025, compared with 126,255 job offerings in the first quarter of 2025. In terms of occupational categories, Technicians and Associate Professionals recorded the highest number of job offerings at 63,803, followed by Managers with 48,864 job offerings. Higher demand was also observed for Administrative Associate Professionals (34,034 job offerings), Advertising and Marketing Professionals (21,663 job offerings), Managing Directors and Chief Executives (12,954 job offerings), Accountants and Auditors (9,990 job offerings) and Administrative Professionals (7,544 job offerings)."

The Chief Statistician further added, "The Services sector dominated online job offerings, accounting for 64.7 per cent or 167,274 job offerings in the second quarter of 2025, compared with 63.6 per cent in the first quarter of 2025. Within the Services sector, Wholesale and Retail Trade sub-sector recorded the highest number of job offerings at 44,927. This was followed by Professional, Scientific and Technical Activities with 26,441 job offerings, Administrative and Support Service Activities

with 25,673 job offerings, Financial and Insurance/Takaful Activities with 22,266 job offerings, and the Manufacturing sector with 20,816 job offerings.”

According to the Chief Statistician, “The top three job offerings by occupation group (MASCO 6-digit) in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) field in the second quarter of 2025 were Business Development Manager (2,678 job offerings), Marketing Executive (2,564 job offerings) and Project Manager (2,481 job offerings). In the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) field, Project Manager recorded the highest number of job offerings at 2,481, followed by Engineer (1,832 job offerings) and Technician (1,740 job offerings). Meanwhile, under the Critical Occupation List (COL) at the MASCO 4-digit level, Civil Engineers recorded the highest number of job offerings at 4,394, followed by Business Services Managers (2,481 job offerings) and Manufacturing Supervisors (2,132 job offerings).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Job Offerings Advertised Online, Q1 2022 – Q2 2025




Exhibit 1: Job Offerings Advertised Online by Major Occupation Groups Q2 2025 & Q1 2025




Exhibit 2: Job Offerings Advertised Online by Hottest Job, Q2 2025 & Q1 2025



Exhibit 3: Job Offerings Advertised Online by Economic Activity Q2 2025 & Q1 2025



Exhibit 4: Highest Job Offerings Advertised Online for Occupation Groups in TVET, STEM and COL, Q2 2025 & Q1 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 FEBRUARY 2026



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA SUKU KEDUA 2025

Penawaran pekerjaan yang diiklankan dalam talian meningkat 7.1 peratus pada suku kedua 2025, dengan 281,736 penawaran direkodkan

PUTRAJAYA, 26 FEBRUARI 2026 – Bilangan penawaran pekerjaan yang diiklankan dalam talian pada suku kedua tahun 2025 meningkat 7.1 peratus, iaitu 281,736 penawaran, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti dilaporkan dalam terbitan **Analisis Data Raya: Job Market Insights** dan **My Job Profile: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia, ST2 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Bilangan syarikat yang mengiklankan penawaran pekerjaan pada suku kedua 2025 adalah 57,666 berbanding 53,441 syarikat pada suku pertama 2025. Sementara itu, hampir separuh daripada penawaran pekerjaan dalam talian tertumpu dalam kategori Profesional, merangkumi 45.8 peratus atau 129,041 penawaran pekerjaan pada suku kedua 2025, berbanding 126,255 penawaran pekerjaan pada suku pertama 2025. Dari segi kategori pekerjaan, Juruteknik dan Profesional Bersekutu merekodkan 63,803 penawaran pekerjaan, diikuti oleh kumpulan Pengurus dengan 48,864 penawaran pekerjaan. Permintaan yang lebih tinggi diperhatikan bagi Profesional Bersekutu Pentadbiran (34,034 penawaran pekerjaan), Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (21,663 penawaran pekerjaan), Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (12,954 penawaran pekerjaan), Akauntan dan Juruaudit (9,990 penawaran pekerjaan) dan Profesional Pentadbiran (7,544 penawaran pekerjaan)."

Ketua Perangkawan seterusnya menambah, "Sektor Perkhidmatan mendominasi penawaran pekerjaan dalam talian, iaitu 64.7 peratus atau 167,274 penawaran pekerjaan pada suku kedua 2025, berbanding 63.6 peratus pada suku pertama 2025.

Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit merekodkan jumlah penawaran pekerjaan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dengan 44,927 penawaran. Seterusnya, diikuti Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal dengan 26,441 penawaran pekerjaan, Aktiviti Pentadbiran dan Perkhidmatan Sokongan dengan 25,673 penawaran pekerjaan, Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful dengan 22,266 penawaran pekerjaan, serta sektor Pembuatan dengan 20,816 penawaran pekerjaan.”


Menurut Ketua Perangkawan, “Tiga (3) penawaran pekerjaan tertinggi mengikut kumpulan pekerjaan (MASCO 6-digit) dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada suku kedua 2025 ialah Pengurus Pembangunan Perniagaan (2,678 penawaran pekerjaan), diikuti oleh Eksekutif Pemasaran (2,564 penawaran pekerjaan) dan Pengurus Projek (2,481 penawaran pekerjaan). Dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pengurus Projek merekodkan bilangan penawaran pekerjaan tertinggi iaitu 2,481 penawaran pekerjaan, diikuti Jurutera (1,832 penawaran pekerjaan) dan Juruteknik (1,740 penawaran pekerjaan). Selain itu, bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (Critical Occupation List, COL) mengikut kumpulan pekerjaan MASCO 4-digit, bilangan penawaran pekerjaan tertinggi adalah bagi Jurutera Awam (4,394 penawaran pekerjaan), diikuti oleh Pengurus Perkhidmatan Perniagaan (2,481 penawaran pekerjaan) dan Penyelia Pembuatan (2,132 penawaran pekerjaan).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian, ST1 2022 – ST2 2025



Paparan 1: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Kumpulan Utama Pekerjaan, ST2 2025 & ST1 2025



Paparan 2: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan Popular, ST2 2025 & ST1 2025



Paparan 3: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi ST2 2025 & ST1 2025



Paparan 4: Penawaran Pekerjaan Tertinggi Diiklankan dalam Talian bagi Kumpulan Pekerjaan dalam TVET, STEM dan COL, ST2 2025 & ST1 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 FEBRUARI 2026